

20 JAN 1996

KAKITANGAN AWAM TIDAK MUNGKIN DAPAT TUNGGAKAN GAJI RAYA INI

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Hasrat lebih daripada 800,000 kakitangan awam untuk menerima tunggakan penyelarasan gaji sebelum Hari Raya puasa berkemungkinan besar tidak akan tercapai, menurut Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Datuk Dr Mazlan Ahmad hari ini.

Beliau berkata sungguhpun JPA telah membuat penilaian terhadap cadangan baru Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan didapati beberapa alternatif dibawa kepada perhatian kerajaan tetapi besar kemungkinan pembayaran tunggakan tidak dapat dibuat sebelum Hari Raya kerana kesuntukan masa.

JPA akan melaporkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai alternatif itu, katanya kepada pemberita selepas pelancaran buku "Perkhidmatan Awam Malaysia - Ke Arah Kecekapan dan Keberkesanan" yang dilakukan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di Pustaka Perkhidmatan Awam Malaysia di sini hari ini.

"Kita belum menentukan masa untuk perjumpaan dengan Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata jika alternatif itu dipersetujui nanti, JPA akan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan semua kakitangan awam mendapat agihan yang seadil-adilnya dengan peruntukan RM2,000 juta yang diluluskan oleh kerajaan bagi penyelarasan gaji kakitangan awam itu.

Mazlan bagaimanapun tidak menghuraikan cadangan baru yang buat oleh CUEPACS itu. -- BERNAMA